

Mohammed Khusrin Pengerusi MAIS yang baharu

Suhana Md. Yusop

14 Disember 2017 (<http://www.kosmo.com.my/negara/mohammed-khusrin-pengerusi-mais-yang-baharu-1.572611>)

KLANG – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melantik bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Seri Mohammed Khusrin Munawi sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkuat kuasa 1 Januari tahun depan.

Mohammed Khusrin dilantik bagi menggantikan Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa yang tamat tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi MAIS sejak tahun 2005.

Pelantikan itu disempurnakan dalam satu majlis istiadat Pengurniaan Watakah Pelantikan Anggota MAIS bagi sesi 2018 sehingga 2020 dan Majlis Santapan Tengah Hari bersama 423 imam masjid seluruh negeri Selangor di Istana Alam Shah di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Timbalan Pengerusi MAIS, Datuk Ramli Mahmud.

Pada majlis berkenaan, Sultan Sharafuddin juga berkenan melantik dan menerima sembah menghadap tiga orang anggota MAIS yang baharu. Mereka ialah Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Dr. Mohd. Farid Ravi Abdullah; Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Khadijah Mohd. Khambali@Hambali serta Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Madya Dr. Yasmin Hanani Mohd. Safian.

Pelantikan dibuat mengikut Sub seksyen 11 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020.

Dalam pada itu, pelantikan tersebut menjadikan keseluruhan anggota MAIS bagi sesi 2018-2020 berjumlah 20 orang.